

HARIAN METRO 11/5 02
 24/02/2008

Tutup sekolah seminggu

■ Beri ruang kerja pembersihan basmi kuman di SK Damak



LANGKAH PENCEGAHAN PENYAKIT HFMD

Info

PENJAGA/IBU BAPA

Peka keadaan anak seperti tanda dehidrasi (letih tidak bermaya, bibir terlalu kering dan kurang kencing) serta muntah berterusan, tidak mahu makan dan minum atau kerap merengek. Ia petanda bayi dalam kesakitan.

Kuarantin, jangan bawa anak yang mengalami simptom HFMD ke tempat awam seperti sekolah, taska, pusat asuhan dan sebagainya.

Jika anak dijangkiti, segera jumpa doktor untuk rawatan.

Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air bersih selepas menggunakan tandas, menukar lampin, menyentuh atau merawat ruam atau membasuh anak selepas mereka membuang air.

Kuala Lumpur

Langkah drastik diambil Kementerian Pendidikan serta penguasaan sekolah ia termasuk menutup sekolah sementara bagi mengawal penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang melanda di beberapa negeri.

Di Jerantut, Sekolah Kebangsaan (SK) Damak, dekat sini, ditutup mulai semalam sehingga Jumaat ini berikutan penyakit HFMD itu.

Pegawai Pendidikan Daerah Jerantut, Ali Affandi Abdul Majid berkata, langkah itu diambil bagi memastikan penyakit itu tidak terus merebak kepada murid lain.

"Ketika ini 53 murid prasekolah dan murid tahun sa-

tu hingga tahun enam dikesan dijangkiti penyakit berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, ketika ini keadaan masih terkawal dan langkah itu diambil bagi memastikan ia dapat dielakkan daripada terus merebak kepada 368 murid lain.

Beliau berkata, Jabatan Pendidikan Negeri juga mengarahkan sekolah itu ditutup seminggu bermula semalam dan pihak pengurusan sekolah memberikan notis pemberitahuan kepada ibu bapa murid Jumaat lalu.

Katanya, penutupan sekolah itu adalah nasihat Jabatan Kesihatan negeri untuk mengelakkan penularan jangkitan kepada murid lain.

"Pada masa ini Jabatan Kesihatan Daerah ini akan menjalankan kerja pembersihan dan pembasmian kuman di sekolah terbabit," katanya.

Dalam penutupan sekolah adalah atas nasihat Jabatan Kesihatan negeri dan beberapa langkah diambil termasuk melakukan semburan pencegah wabak di dalam kelas dan rawatan kepada murid," katanya.

Beliau memberitahu, arahan cuti dikenakan kepada semua murid saja namun guru dan kakitangan perlu hadir bertugas seperti biasa.

Zulkarnain berkata, wujud juga kebimbangan kerana cuti berkenaan menjejaskan pembelajaran murid, namun kesihatan mereka juga penting.

Sekolah berkenaan mempunyai 368 murid dan 32 guru serta menjadi sekolah pertama ditutup di negeri ini akibat wabak HFMD.

FAKTA
53 murid dikesan dijangkiti HFMD di SK Damak

Sementara itu, tiga prasekolah di dua daerah Johor Bahru diarah tutup sejak minggu lalu oleh Kementerian Kesihatan berikutan penularan penyakit HFMD.

Pengarah Pendidikan negeri, Shaharudin Sharif berkata, dua prasekolah berkenaan terletak di daerah Kluang, manakala satu lagi di Batu Pahat yang diarah tutup pada 18 dan 19 Julai lalu.

"Dari segi jumlah bilangan murid yang dijangkiti penyakit ini, kita (Jabatan Pendidikan negeri) mengenal pasti 42 murid prasekolah dan 116 murid sekolah rendah pada bulan ini.

"Semua pihak perlu akur dan kami memaklumkan perkara ini kepada semua ibu bapa supaya mereka dapat mengetahui situasi sebenar," katanya kepada pemberita yang membuat tinjauan di sekolah berkenaan, di sini, semalam.

Katanya, penularan jangkitan HFMD dipercayai berpunca daripada seorang murid prasekolah yang dikesan pada 16 Julai lalu sebelum merebak kepada 53 orang termasuk dua murid Orang Asli membabitkan 25 murid lelaki dan 28 perempuan.

"Ini kejadian kali pertama

membuang air.

Bersihkan permainan dan lantai terutama tandas menggunakan pencuci berasaskan klorin untuk membunuh kuman

Asingkan penggunaan pinggan dan cawan dan jangan berkongsi dengan kanak-kanak lain.

Buang lampin dengan cara betul dan tong sampah tertutup.

Waspada dengan produk yang ingin mengambil kesempatan terutama diiklankan di media sosial

PENGENDALI PUSAT ASUHAN, TADIKA, PRA SEKOLAH

Sentiasa memastikan kebersihan premis terutama peralatan yang digunakan kanak-kanak dengan membersihkan dan menyahkumakan meja, kerusi serta alatan mainan mereka.

Lakukan saringan di pintu masuk premis setiap hari sebelum membenarkan mereka masuk ke premis bagi mengelakkan jangkitan.

Sentiasa mengamalkan kebersihan diri termasuk mencuci tangan selepas menguruskan seorang kanak-kanak sebelum mengendalikan kanak-kanak lain.

Membersihkan dan memastikan kebersihan tandas dengan menggunakan larutan campuran klorin.

Memastikan lampin pakai buang dibuang dalam tong sampah bertutup.

Melaporkan kluster HFMD kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

Sumber: KKM dan Medical Mythbuster Malaysia

"Situasi masih terkawal. Bagaimanapun kami terus memantau perkara ini. Kami juga meminta prasekolah yang terkesan dengan penyakit itu mendapatkan arahan selanjutnya daripada Kementerian Kesihatan seperti membersihkan premis dan memantau kebersihan individu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Shaharudin berkata, bagaimanapun tiada sekolah rendah diarahkan ditutup oleh kementerian buat masa ini di Johor.

Minggu lalu, Kementerian Pendidikan memaklumkan

menerima laporan 63 sekolah mencatatkan rekod kes HFMD.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching berkata, Johor dan Selangor mencatatkan kes tertinggi membabitkan 17 sekolah di Johor dan 16 di Selangor, diikuti 10 sekolah di Sarawak.

Dilaporkan, 418 premis diarah tutup sehingga kini membabitkan 198 pusat jagaan kanak-kanak, 197 tadika dan 23 sekolah.

Pihak berkuasa juga memaklumkan 33,425 kes HFMD dicatatkan di seluruh negara tahun ini.



ZULKARNAIN melihat notis penutupan sekolah yang ditampal Jabatan Kesihatan Daerah.